

# BAHASA MELAYU H1 (8622)

## 1 OBJEKTIF PEPERIKSAAN

Peperiksaan Bahasa Melayu H1 GCE Peringkat Lanjutan bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan calon dalam bidang bahasa berdasarkan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Peringkat Prauniversiti 2012, Kementerian Pendidikan.

Peperiksaan Bahasa Melayu H1 bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) mendengar dan memahami pelbagai jenis teks lisan, mengingat butir-butir dan mengenal pasti idea penting dalam teks yang didengar dan dalam pelbagai situasi;
- (b) bertutur dengan fasih dan jelas dengan menggunakan sebutan baku dan memberikan pendapat serta hujah-hujah yang kritikal untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi;
- (c) berinteraksi secara lisan dengan fasih dan jelas dengan menggunakan sebutan baku untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi;
- (d) membaca dan memahami pelbagai bahan cetak dan bukan cetak serta bahan digital untuk memperoleh dan memproses maklumat dan menyampaikannya dengan berkesan;
- (e) menulis teks pelbagai genre dengan jelas dan berkesan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi; dan
- (f) berinteraksi melalui penulisan dengan jelas dan berkesan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi.

## 2 HASIL PEMBELAJARAN

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Peringkat Prauniversiti 2012 yang dihasilkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, pada akhir pendidikan prauniversiti kursus Bahasa Melayu H1 Peringkat Lanjutan, pelajar harus berupaya untuk:

- (a) memahami pelbagai jenis teks tentang topik-topik yang berkaitan dengan diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia;
- (b) membuat penyampaian yang bermakna dengan lancar dan dengan menggunakan sebutan yang jelas dan tepat serta intonasi yang sesuai tentang topik-topik yang berkaitan dengan diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia;
- (c) berinteraksi secara lisan dengan fasih dan dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang jelas dan tepat serta kosa kata yang sesuai dan struktur ayat yang pelbagai tentang perkara yang berkaitan dengan diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia;
- (d) menulis teks pelbagai genre dengan menggunakan kosa kata yang sesuai dan struktur ayat yang pelbagai tentang topik-topik yang berkaitan dengan diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia; dan
- (e) berinteraksi secara aktif melalui penulisan dengan menggunakan sebutan dan kosa kata yang sesuai dan struktur ayat yang pelbagai tentang perkara yang berkaitan dengan diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia.

### 3 **FORMAT PEPERIKSAAN**

Format Peperiksaan bagi Bahasa Melayu H1 GCE Peringkat Lanjutan terbahagi kepada:

#### **Kertas 1**

- Bahagian 1: Karangan
- Bahagian 2: Penggunaan Bahasa, Kefahaman dan Peringkasan

#### **Kertas 2**

- Lisan dan Kefahaman Mendengar

#### **KERTAS 1: KARANGAN DAN PENGGUNAAN BAHASA, KEFAHAMAN DAN PERINGKASAN – 140 markah (70%)**

Kertas 1 terbahagi kepada 2 bahagian, iaitu Bahagian 1 dan Bahagian 2. Masa yang diperuntukkan ialah 3 jam.

##### Bahagian 1: Karangan (60 markah)

Bahagian ini mengandungi 4 soalan termasuk 1 soalan rangsangan grafik yang terdiri daripada 3 hingga 5 gambar. Calon dikehendaki menulis 1 karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 380 patah perkataan.

Calon dibenarkan menggunakan kamus yang diluluskan. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 30 minit.

##### Bahagian 2: Penggunaan Bahasa, Kefahaman dan Peringkasan (80 markah)

Bahagian ini terbahagi kepada 3 bahagian – Bahagian A, B dan C. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Calon tidak dibenarkan menggunakan kamus untuk bahagian ini. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 30 minit.

##### **Bahagian A: Imbuan dan Peribahasa (20 markah)**

- Soalan A1: Imbuan (10 markah)  
Bahagian ini mengandungi 5 soalan berbentuk respons bebas. Calon dikehendaki mengenal pasti 5 patah perkataan yang memerlukan imbuan dan mengimbuhkan perkataan-perkataan tersebut dengan imbuan yang tepat.
- Soalan A2: Peribahasa (10 markah)  
Bahagian ini mengandungi 5 soalan. Calon dikehendaki mengenal pasti peribahasa yang tepat berdasarkan situasi yang diberikan.

**Bahagian B: Melengkapkan Teks (20 markah)**

Bahagian ini mengandungi 10 soalan berbentuk mengisi tempat kosong. Teks yang disediakan ialah teks autentik seperti iklan, brosur, risalah, laporan berita dan lain-lain lagi. Calon dikehendaki memilih perkataan yang paling sesuai daripada perkataan-perkataan yang diberikan dalam kurungan untuk melengkapkan jalan ceritanya.

**Bahagian C: Kefahaman dan Peringkasan (40 markah)**

Bahagian ini mengandungi 5 soalan berbentuk respons bebas berdasarkan satu teks autentik. Bagi soalan kosa kata, calon dikehendaki memberikan maksud perkataan dan/atau frasa yang diberikan mengikut konteks. Bagi soalan peringkasan, calon dikehendaki meringkaskan sebahagian daripada teks tersebut dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

**KERTAS 2: LISAN DAN KEFAHAMAN MENDENGAR – 60 markah (30%)**

Kertas ini terbahagi kepada 2 bahagian, iaitu Lisan dan Kefahaman Mendengar.

(a) Lisan (50 markah)

Ujian Lisan ini mengandungi 2 bahagian. Masa yang diperuntukkan untuk ujian ini adalah lebih kurang 15 minit.

Calon diberikan masa persiapan selama 10 minit. Calon boleh membuat catatan sewaktu masa persiapan. Catatan tersebut boleh dibawa bersama-sama calon sebagai bahan rujukan semasa ujian dijalankan.

**Bahagian A: Penyampaian Lisan (20 markah)**

Calon dikehendaki membuat penyampaian lisan berdasarkan salah 1 topik daripada 2 modul elektif yang diberikan dalam jangka masa tidak lebih daripada 2 minit.

**Bahagian B: Perbualan (30 markah)**

Calon dikehendaki menonton klip video dan melibatkan diri dalam perbualan dengan pemeriksa lisan berdasarkan klip video yang telah ditonton.

(b) Kefahaman Mendengar (10 markah)

Ujian Kefahaman Mendengar mengandungi 10 soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan 5 teks autentik pelbagai genre seperti dialog, rencana, cerpen, berita ringkas, pengumuman dan lain-lain lagi. 2 daripada teks tersebut merupakan teks pendek (1 soalan bagi setiap teks pendek). Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 30 minit.

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Jadual Pengkhususan yang disediakan.

#### 4 JADUAL PENGKHUSUSAN

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
1 (3 jam)	<b>Bahagian 1: Karangan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Naratif</li> <li>▪ Deskriptif</li> <li>▪ Ekspositori/ Argumentatif</li> <li>▪ Rangsangan grafik</li> </ul>	Respons bebas	4 (1)	60 (30%)	Calon dikehendaki menulis 1 karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 380 patah perkataan.
	<b>Bahagian 2: Penggunaan Bahasa, Kefahaman dan Peringkasan</b>				
	<u>Bahagian A</u> A1: Imbuan	Respons bebas	5 (5)	10 (5%)	Calon dikehendaki mengenal pasti 5 perkataan dan mengimbuhkan perkataan-perkataan tersebut dengan imbuan yang tepat.
	A2: Peribahasa	FIB	5 (5)	10 (5%)	Calon dikehendaki mengenal pasti peribahasa yang tepat berdasarkan situasi yang diberikan.
	<u>Bahagian B</u> Melengkapkan Teks	FIB	10 (10)	20 (10%)	1 teks autentik diberikan seperti iklan, brosur, risalah, laporan berita dan lain-lain lagi.  Calon dikehendaki memilih perkataan yang paling sesuai daripada perkataan-perkataan yang diberikan dalam kurungan untuk melengkapkan jalan ceritanya.
<u>Bahagian C</u> Kefahaman dan Peringkasan	Respons bebas	5 (5)	40 (20%)	1 teks autentik diberikan.  Calon dikehendaki menjawab 5 soalan berbentuk respons bebas dan meringkaskan sebahagian daripada teks dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan.	
	Subtotal	-	29 (26)	140 (70%)	-

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU H1  
GCE PERINGKAT LANJUTAN**

<b>Kertas (Masa)</b>	<b>Komponen</b>	<b>Jenis Item</b>	<b>Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)</b>	<b>Markah (Timbangan)</b>	<b>Penerangan</b>
2 (10-15 minit)	<b>Lisan dan Kefahaman Mendengar</b>  Lisan  <u>Bahagian A</u> Penyampaian Lisan	Respons bebas	2 (1)	20 (10%)	Calon dikehendaki membuat penyampaian lisan berdasarkan salah 1 topik daripada 2 modul elektif yang diberikan dalam jangka masa tidak lebih daripada 2 minit.
	<u>Bahagian B</u> Perbualan	Respons bebas	1 (1)	30 (15%)	Calon dikehendaki menonton klip video dan melibatkan diri dalam perbualan dengan pemeriksa lisan berdasarkan klip video yang telah ditonton.
(30 minit)	Kefahaman Mendengar	MCQ	10 (10)	10 (5%)	Calon dikehendaki menjawab 10 soalan berdasarkan 5 teks autentik pelbagai genre seperti dialog, rencana, cerpen, berita ringkas, pengumuman dan lain-lain lagi. 2 daripada teks tersebut merupakan teks pendek (1 soalan bagi setiap teks pendek).
	Subtotal	-	13 (12)	60 (30%)	-
	<b>Total</b>	-	<b>38</b>	<b>200 (100%)</b>	-

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU H1  
GCE PERINGKAT LANJUTAN**

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
1.	Ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras.	Orang yang mampu (kaya, berilmu) segala maksudnya mudah tercapai.
2.	Air pun ada pasang surutnya.	Keadaan (kekayaan, pangkat, dll) itu tiada tetap.
3.	Akal tak sekali datang, runding tak sekali tiba.	Tidak ada usaha yang serta-merta jadi sempurna.
4.	Api kecil baik dipadam.	Basmilah kejahatan itu semasa ia kecil lagi.
5.	Bagai duri dalam daging.	Sesuatu hal yang selalu terasa tidak menyenangkan hati.
6.	Bagai lebah menghimpun madu.	Sangat rajin.
7.	Bagai mengepal pasir kering.	Sangat susah hendak menyatukan orang-orang yang berbagai-bagai fikirannya.
8.	Baru bertatih hendak berlari, tersembam.	Membuat pekerjaan yang lebih daripada yang tersanggup.
9.	Berapa tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga.	a. Walau berapa tinggi pangkat akhirnya hilang juga. b. Walau ke mana juga kita pergi akhirnya akan balik ke negeri asal juga.
10.	Baik berjagung-jagung sementara padi belum masak.	Sementara menunggu sesuatu yang lebih baik, yang kurang baik pun boleh dipakai dahulu.
11.	Bertanya supaya tahu berjalan supaya sampai.	Kalau membuat kerja hendaklah dikaji dahulu dan biar sampai selesai.
12.	Bukannya diam penggali berkarat, melainkan diam ubi berisi.	Diam orang yang berilmu itu berfikir, sementara diam orang yang bodoh itu sia-sia sahaja.
13.	Cembul dengan tutupnya.	Sesuai benar.
14.	Di mana ranting dipatah, di sana air disauk.	Hendaklah menurut adat dan aturan tempat yang kita diami.
15.	Duduk seperti kucing, melompat seperti harimau.	Orang pendiam yang tangkas bekerja dan berfikir.
16.	Garam dikulumnya tak hancur.	Seorang yang pintar menyimpan rahsia.

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU H1  
GCE PERINGKAT LANJUTAN**

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
17.	Hati gajah sama dilapah; hati kuman sama dicecah.	Banyak sama banyak, sedikit sama dikongsi.
18.	Hilang bahasa lenyap bangsa.	Apabila sesuatu bahasa itu tidak terpakai lagi maka lambat-laun hilanglah bangsa itu.
19	Ikan belum dapat, air sudah keruh, jala sudah koyak.	Objektif belum tercapai, macam-macam masalah sudah terjadi.
20.	Kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau.	Yang baik itu biar di mana pun tempatnya akan tetap baik juga.
21.	Karam berdua basah seorang.	Dua orang yang melakukan kesalahan tetapi seorang yang kena hukum.
22.	Ke mana tumpah kuah kalau tidak ke nasi.	Baik buruk seorang bapa itu sedikit sebanyak turun ke anaknya.
23.	Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni.	Bermuafakat dalam sesuatu perkara senang atau susah agar sama-sama dirasai.
24.	Kelapa muda tidak berminyak.	Orang muda belum banyak pengalaman.
25.	Khabar jauh didengar-dengar, khabar dekat difikir-fikirkan.	Apa pun berita yang didengar selidik dulu kebenarannya.
26.	Kilat di dalam kilau.	Tujuan (maksud) yang terkandung dalam percakapan atau tingkah laku.
27.	Kuat lilit kerana simpulnya.	Kekuatan persatuan terletak pada anggota-anggotanya.
28.	Lebih ikan kerana sirip, lebih burung kerana sayap.	Tiap-tiap pakar ada kelebihanannya.
29.	Lihat anak pandang menantu.	Kalau melakukan sesuatu fikirkan juga kesannya pada orang lain.
30.	Membujur lalu melintang patah.	Tidak ada yang dapat menghalang.
31.	Menaburkan benih di tanah yang subur.	Berbuat baik pada orang yang tahu menghargai budi.
32.	Meski tertimbun dalam tanah, namun teras timbul juga.	Orang yang berbudi baik itu sekalipun dalam keadaan melarat akan tetap berbudi dan berhati mulia.

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU H1  
GCE PERINGKAT LANJUTAN**

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
33.	Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa.	Budi dibalas dengan budi.
34.	Orang menunggu perigi bilakah ia mati dahaga.	Orang yang hampir dengan orang yang berilmu atau kaya tidak mungkin menjadi bodoh atau susah.
35.	Padi setangkai bernas semuanya.	Keluarga yang bahagia dan beruntung semuanya.
36.	Pagi tidak dibuang, senja tidak dikejar.	Menggunakan masa dengan sebaik-baiknya
37.	Pahit dahulu, manis kemudian.	Yang rumit (sulit) hendaklah dijelaskan atau dibincangkan dahulu (dalam perjanjian) supaya senang kemudiannya.
38.	Pandai menyelam di air dalam.	Pandai menyesuaikan diri.
39.	Patah kemudi perahu hanyut.	Rakyat yang kehilangan pemimpin akan kucar-kacirlah jadinya.
40.	Pecah buyung tempayan ada.	Hilang yang satu ada gantinya yang lain.
41.	Pengayuh sudah di tangan, perahu sudah di air.	Sudah siap sedia.
42.	Pukul anak sindir menantu.	Lain orang yang dimarahi, lain orang pula tujuan kata-katanya.
43.	Sebab mutiara sebiji, lautan yang dalam diselam orang.	Orang yang berilmu itu biar di mana pun ia tinggal tetap dicari orang.
44.	Seperti ayam mematuk anaknya.	Menghukum anak bukan untuk menyiksa, tetapi untuk memperbaiki kelakuan anak itu.
45.	Seperti gunting makan di hujung.	Mencapai sesuatu dengan diam-diam.
46.	Seperti meniup api di atas air.	Melakukan pekerjaan yang hampir tidak memberi harapan akan berhasil.
47.	Takkan lari gunung dikejar, hilang kabus tampaklah ia.	Jangan terburu-buru pada apa yang sudah pasti.
48.	Tunduk kepala bukan untuk dipijak.	Berlembut bukan kerana suka diperbodoh.



**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU H1  
GCE PERINGKAT LANJUTAN**

<b>SN</b>	<b>PERIBAHASA</b>	<b>MAKSUD</b>
49.	Ukur baju di badan sendiri.	a. Menilai kemampuan diri. b. Tiap-tiap pekerjaan itu hendaklah dipilih sesuai dengan kebolehan kita.
50.	Ular dipukul biar mati, kayu pemukul jangan patah, tanah dipalu jangan lembang.	Menyelesaikan masalah dengan cara bijaksana.